SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN 15/2018

Yang Amat Mulia/Yang Dimuliakan/Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Sila Rujuk Pembahagian)

اسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PENGGUNAAN BORANG BAGI PERMOHONAN CUTI TIDAK BERGAJI (CTG)

Dengan penuh hormat sukacita menarik perhatian semua Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan mengenai penggunaan borang bagi **permohonan CTG** yang dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

2. Sebagaimana yang diketahui, peraturan CTG adalah dikawal oleh Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/1998, yang mana Permohonan CTG bagi tempoh **melebihi 30 hari**, dan permohonan CTG **atas sebab yang dinyatakan di perenggan 3.4 dalam Surat Keliling berkenaan tanpa mengira tempoh yang dipohonkan** adalah atas kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan hendaklah terlebih dahulu mendapat sokongan dari Ketua Bahagian/Ketua Jabatan/Setiausaha Tetap masing-masing.

.../2

3. Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan semua pihak dan membolehkan urusan / proses berjalan dengan lancar serta bagi mengelakkan permohonan CTG secara kebelakangan, terutama sekali bagi mereka yang berhasrat untuk mengikuti kursus samada melalui Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) atau atas perbelanjaan sendiri, maka pemohon dan Ketua-Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk mengisikan dengan lengkap **borang Permohonan Cuti Tidak Bergaji (BPSL- CTG)** dan menghadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam beserta surat sokongan (*covering* memorandum).

4. Ke arah pelaksanaan perkara di atas, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan adalah ditekankan supaya mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

a. Pegawai-pegawai yang memohon untuk CTG **tidak** mempunyai kelayakan cuti lagi.

b. Mencatat Cuti Tidak Bergaji yang telah dibenarkan ke dalam Rekod Perkhidmatan dan Penyata Cuti pegawai.

5. Pihak Kementerian / Jabatan hendaklah menghadapkan persuratan beserta borang permohonan CTG ke Jabatan Perkhidmatan Awam sekurang-kurangnya **dua (2) minggu sebelum tarikh bermulanya cuti** yang dipohonkan. Ini mengambilkira berkuatkuasanya Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 9/2017: *Garispanduan Melaksanakan Surcaj dalam Perkhidmatan Awam,* dimana perenggan 4.2 dari Surat Keliling tersebut menyatakan jenis kesalahan yang boleh dikenakan surcaj berikutan kegagalan/kelambatan mematuhi peraturan yang berjalan masa kini.

6. Borang Permohonan Cuti Tidak Bergaji (**BPSL- CTG**) boleh didapati/dimuat turun melalui Laman Sesawang Rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam (www.jpa.gov.bn).

7. Surat Pemberitahuan ini dikuatkuasakan penggunaannya mulai **1 September 2018.**

Sekian disampaikan untuk makluman dan perhatian mengenainya.

والله ولي التوفيق

"Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif"
'Belia Tekun Berusaha Membawa Kejayaan'

(DR NORFARIZAL BIN OTHMAN)
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh: 16 Zulhijjah 1439/ 28 Ogos 2018
Rujukan: JPA/04/3.3/9/00